

18/06/1997

PM pelawa usahawan Lebanon

BEIRUT, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa usahawan Lebanon supaya menjadikan Malaysia pusat pengeluaran dan pengedaran produk mereka ke rantau Asia Tenggara yang mempunyai hampir 500 juta penduduk.

Menurut Perdana Menteri, walaupun sesetengah negara mempunyai harga tanah yang murah, kadar sewa dan bayaran gaji yang rendah, Malaysia sebaliknya dapat menawarkan kerajaan yang stabil, kukuh dan mesra perniagaan dengan dasar-dasar yang konsisten serta persekitaran yang selamat serta sihat untuk membantu pelabur berjaya tanpa halangan.

"Apabila Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dilaksanakan sepenuhnya pada 2003, wujud satu pasaran tunggal Asean yang menawarkan produk pengeluaran Asean dengan tarif tidak lebih lima peratus dan kebanyakannya pula tidak langsung dikenakan tarif," katanya pada jamuan malam anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Lebanon, di sini malam ini.

Dr Mahathir dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Lebanon, negara Asia Barat yang sedang membina semula ekonominya selepas mengalami perang saudara dan pencerobohan tentera negara jiran.

Perdana Menteri diiringi delegasi perniagaan, termasuk Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli; Pengerusi Kumpulan Bank Arab-Malaysia, Tan Sri Azman Hashim dan Pengerusi Eksekutif DRB-Hicom, Datuk Mohd Saleh Sulong.

Dr Mahathir berkata, tahun lalu negara-negara Asean mencatat pertumbuhan sekitar tujuh peratus, manakala perdagangan sesama Asean berjumlah RM325 bilion (AS\$130 bilion).

Dengan kemasukan Laos, Kemboja dan Myanmar dalam kumpulan serantau ini yang menjadikannya 10 anggota, penduduk Asean dianggarkan kira-kira 500 juta orang.

"Sudah tiba masanya Lebanon membabitkan diri dengan ekonomi Malaysia dan Asia Tenggara. Kerjasama dengan Malaysia dapat membantu dalam proses ini," katanya.

Dr Mahathir menyarankan supaya syarikat-syarikat pengeluaran Lebanon mewujudkan usaha sama dalam beberapa sektor dengan rakan kongsi Malaysia.

Sektor itu ialah industri berasaskan sumber seperti getah, balak, kelapa sawit, sektor berasaskan pertanian seperti penanaman dan pemprosesan buah-buahan dan sayur-sayuran, industri sampingan dan sokongan. - Bernama

(END)